


SULIT

[JPA. SULIT TT. 71/53/(40).]

Siri N^o 0006



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1985

PERNYATAAN AWAM OLEH PEGAWAI-PEGAWAI AWAM

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menyampaikan keputusan Kerajaan mengenai dasar dan peraturan berhubung dengan pernyataan awam oleh pegawai-pegawai awam.

2. TAKRIF "PERNYATAAN AWAM"

2.1 Mengikut Perintah Am 17 (3) Bab "D" 1980, "pernyataan awam" termasuklah membuat apa-apa pernyataan atau ulasan kepada akhbar atau kepada orang ramai atau semasa memberi apa-apa syarahan atau ucapan awam atau dalam mana-mana penyiaran melalui bunyi atau penglihatan.

3. PERNYATAAN AWAM OLEH MENTERI

3.1 Pernyataan awam mengenai pengumuman keputusan dasar Kerajaan hendaklah dibuat oleh Menteri yang berkenaan sahaja.

4. PERNYATAAN AWAM OLEH PEGAWAI AWAM

4.1 Seseorang pegawai awam *tidak boleh* sama ada secara lisan atau secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain, membuat apa-apa pernyataan awam mengenai sesuatu dasar, program atau keputusan Kerajaan atau pun mengedarkan apa-apa pernyataan awam sama ada dibuat olehnya atau oleh mana-mana orang lain kecuali dengan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu, sama ada secara am atau khusus, daripada Menteri yang bertanggungjawab terhadap Kementerian dan Jabatan di mana pegawai itu sedang berkhidmat.

4.2 Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang mendapat kebenaran bertulis daripadanya, sama ada secara am atau khusus, boleh membuat pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, bagi tujuan:

- (a) memberikan apa-apa maklumat berhubung dengan Jabatannya, atau,

SULIT

SULIT

2

(b) memberikan apa-apa penjelasan mengenai sesuatu peristiwa atau laporan berhubung dengan Jabatannya,

atau pun mengedarkan apa-apa pernyataan tersebut sama ada dibuat olehnya atau oleh mana-mana orang lain.

4.3 Walau bagaimanapun, pegawai awam yang diberi kebenaran membuat pernyataan awam di bawah perenggan 4.1 dan perenggan 4.2 hendaklah menentukan pernyataan itu tidak merosakkan sesuatu dasar, program atau keputusan Kerajaan, atau menyebabkan serba salah kepada Kerajaan. Pegawai awam itu juga tidak boleh membuat apa-apa komen tentang kebaikan atau keburukan sesuatu dasar, program atau keputusan Kerajaan.

4.4 Syarat-syarat seperti di perenggan 4.3 di atas tidak termasuk pernyataan awam di mana teksnya telah pun diluluskan secara bertulis oleh Menteri atau Ketua Jabatan yang berkenaan.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMBATALAN

6.1 F.E.O. Circular Letter No. 4 of 1954 dan F.E.O. Circular No. 22 of 1957 dengan ini adalah dibatalkan.

(TAN SRI OSMAN S. CASSIM)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Tarikh: 2hb Februari, 1985

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan,
Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun
Persekutuan dan Negeri,
Pihak Pengurusan Perbadanan-perbadanan Awam
Persekutuan dan Negeri,
Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.